

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos
2008
2 $\frac{1}{2}$ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2008

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **satu** soalan dalam Bahagian B
2. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.
6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[68 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Encik Salsabil memulakan perniagaan Mutiara Timur di Kuala Terengganu sebagai penjual pakaian untuk cenderamata pada 1 Julai 2008 dengan modal berjumlah RM49 000 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	46 500
Tunai di tangan	2 500

Lampiran A menunjukkan dokumen perniagaan Mutiara Timur berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Julai 2008.

Anda dikhendaki:

- (a) menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan).
[12½ markah]
- (b) memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.
[10½ markah]
- (c) mengimbang akaun-akaun dan menyediakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2008.
[6 markah]

- 2 Puan Khadija adalah pemilik Dija Enterprise yang beroperasi di Gong Badak, Kuala Terengganu. Imbangan Duga perniagaan ini pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2007

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan (kos)	58 000	
Stok 1 Januari 2007	11 920	
Belian dan Jualan	82 350	130 350
Pulangan		450
Komisen		1 800
Angkutan masuk	5 140	
Sewa	6 410	
Kadar bayaran	880	
Penghutang dan Pemiutang	12 100	5 190
Insurans	5 130	
• Bank	17 132	
Tunai	677	
Gaji	6 420	
Peruntukan susut nilai alatan		19 000
Peruntukan hutang ragu		130
Ambilan	5 761	
Modal 1 Januari 2007		55 000
	211 920	211 920

Maklumat tambahan:

- (i) Stok pada 31 Disember 2007 bernilai RM13 551 mengikut harga kos dan RM15 060 mengikut harga pasaran.
- (ii) Sewa terakru sebanyak RM210.
- (iii) Kadar bayaran terlebih bayar RM180.
- (iv) Alatan disusutnilaikan 15% setahun atas kos.
- (v) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan kepada 2% atas penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

[10 $\frac{1}{2}$ markah]

- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2007 (dalam bentuk penyata dengan menunjukkan modal kerja).

[7 $\frac{1}{2}$ markah]

- 3 Encik Syam pekongsi Perkongsian Syamsyira membuat keputusan menarik diri kerana masalah kesihatan yang dihadapinya. Dia dan rakan kongsinya Puan Syira bersetuju untuk membubarkan perniagaan mereka pada 30 Jun 2008. Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut:

Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008

	RM		RM
Lengkapan	15 500	Modal Syam	30 000
Stok	13 880	Modal Syira	20 000
Penghutang	3 870		
Bank	16 750		
	<u>50 000</u>		<u>50 000</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan dan stok diambil alih oleh Puan Syira dengan harga RM25 000.
- (ii) Penghutang telah membayar RM3 600 dan bakinya dihapuskira sebagai hutang lapuk.
- (iii) Belanja realisasi dibayar RM250.
- (iv) Nisbah pembahagian untung atau rugi antara Syam dan Syira ialah 3:2.
- (v) Mana-mana pekongsi yang mengalami kekurangan akaun modal hendaklah diselaraskan dengan membawa masuk tunai ke bank.
- (vi) Semua urusan penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [5 markah]
- (b) Akaun Bank [2 $\frac{1}{2}$ markah]
- (c) Akaun Modal setiap pekongsi [4 $\frac{1}{2}$ markah]

- 4 Encik Fareeza seorang peniaga runcit di Taman Murni Harmoni, Dungun. Beliau menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut Sistem Catatan Bergu. Maklumat kewangan perniagaannya pada 31 Mac 2008 adalah seperti berikut:

	1 April 2007	31 Mac 2008
	RM	RM
Premis	35 000	35 000
Perabot	9 750	?
Stok	8 770	13 260
Pemiutang	20 280	22 850
Penghutang	20 660	25 980
Bank	5 250	8 990
Sewa diterima terdahulu	450	-

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2008, Encik Fareeza telah membawa masuk almari rumahnya RM750 ke dalam perniagaan.
- (ii) Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008, beliau mengambil barang niaga RM2 400 untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Premis disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iv) Pada 31 Mac 2008, maklumat berikut diperoleh:
- | | RM |
|--------------------|-----|
| Gaji terakru | 550 |
| Insurans terdahulu | 120 |

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2008. [6 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2008. [4 markah]

BAHAGIAN B

[12 markah]

Jawab satu soalan sahaja.

- 5 Aliya Trading menerima Penyata Banknya untuk bulan Mei 2008. Setelah dibuat semakan, didapati baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank menunjukkan perbezaan. Ringkasan Buku Tunai dan Penyata Bank untuk bulan Mei adalah seperti berikut:

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Perkara	RM	Tarikh	Perkara	No. Cek	RM
2008			2008			
Mei 1	Baki b/b	1 725	Mei 3	Belian	056131	590
2	Sewa	810	5	Promosi	056132	329
7	Komisen	435	15	Globe Enterprise	056133	2 454
13	Leong	685	25	Pemborong Hijaz	056134	480
19	Jualan	767	27	Perabot	056135	1 795
24	Suraj Store	560	29	Gaji	056136	420
31	Jualan	1 958	31	Baki h/b		872
		6 940				6 940

**BANK GERAK MAJU MALAYSIA BHD.
PENYATA BANK**

Aliya Trading
53 A Jalan Tok Lam
21000 Kuala Terengganu

No. Akaun : 001470141175
Tarikh : 31 Mei 2008

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2008					
Mei 1	Baki				2 200
5	Cek	056131	590		1 610
	Deposit			810	2 420
6	Cek	056129	475		1 945
9	Dividen – Syarikat Aveny Bhd.			660	2 605
12	Deposit			435	3 040
15	Cek	056132	239		2 801
20	Cek	056133	2 454		347
26	Deposit			767	1 114
28	Buku cek		30		1 084
31	Cek	056136	420		664

Maklumat tambahan:

- (i) Cek no. 056132 yang dikeluarkan pada 5 Mei 2008 tersilap catat dalam Buku Tunai.
(ii) Cek yang diterima pada 13 Mei 2008 dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki:

- (a) mengemaskinikan Buku Tunai. [5½ markah]
(b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2008. [6½ markah]

6. Falcom Texture Sdn. Bhd. merupakan sebuah kilang fabrik yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu. Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2008 adalah seperti berikut:

	RM
Stok pada 1 Julai 2007:	
Bahan mentah	10 252
Kerja dalam proses	1 352
Alatan kecil	1 300
Belian bahan mentah	76 313
Cukai atas belian bahan mentah	4 513
Angkutan masuk bahan mentah	1 030
Angkutan keluar	2 300
Royalti kilang	5 000
Alatan kecil	600
Gaji pejabat	6 700
Pulangan bahan mentah	2 370
Pulangan barang siap	2 865
Upah buruh kilang	33 560
Gaji tak langsung	5 035
Loji dan mesin (kos)	87 000
Kadar bayaran	5 100
Insurans kilang	7 800
Belanja am kilang	550
Sewa kilang	9 000
Stok pada 30 Jun 2008:	
Bahan mentah	8 960
Kerja dalam proses	2 450
Alatan kecil	1 420

Maklumat tambahan:

- (i) Kadar bayaran diagih antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 4:1.
- (ii) Gaji tak langsung terakru RM750.
- (iii) Insurans kilang terdahulu RM600.
- (iv) Loji dan mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran Falcom Texture Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 30 Jun 2008.

[12 markah]

[Lihat sebelah
SULIT]

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN

ASAL	AISHAH PERABOT		No.: 0876
	25B Jalan Pejabat 20200 Kuala Terengganu Tel.: 09-6226532		
Kepada Mutiara Timur 10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	INVOIS		Tarikh: 1 Julai 2008
Bil.	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Rak pakaian	3 600.00	3 600.00
Jumlah			3 600.00


(Ringgit: Tiga ribu enam ratus sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 2% 8 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Syabil
Penerima

Aishah
Pengurus

DOKUMEN 1


ASAL		Smart Printing	BT: 8831
		25 Jalan Tanjung Ara 25200 Kuantan, Pahang Tel.: 09-5222834	
Kepada Mutiara Timur 10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	BIL TUNAI		Tarikh: 3 Julai 2008
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
50 helai	Baju T - Terengganu Kite	15.00	750.00
30 helai	Baju T - Tasik Kenyir	13.00	390.00
Jumlah			1 140.00

(Ringgit: Satu ribu satu ratus empat puluh sahaja)

RM1 140.00	
Tunai/Cek	

Syabil
Pengurus

DOKUMEN 2

ASAL		AFI SDN BHD 266E Jalan Bandar 26080 Kuantan, Pahang Tel.: 09-5218338	No.: 4123
Kepada Mutiara Timur 10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	INVOIS		Tarikh: 5 Julai 2008
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
100 helai	Baju batik kemeja	26.00	2 600.00
90 helai	Baju batik kelawar	19.00	1 710.00
50 helai	Topi	6.00	300.00
30 helai	Baju T - Pulau Redang	10.00	300.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			4 910.00
Jumlah			4 419.00


(Ringgit: Empat ribu empat ratus sembilan belas sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 3% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Syabil
Penerima

Afifah
Pengurus

DOKUMEN 3

ASAL		AFI SDN BHD 266E Jalan Bandar 26080 Kuantan, Pahang Tel.: 09-5218338	NK: 028
Kepada Mutiara Timur 10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	NOTA KREDIT		Tarikh: 7 Julai 2008
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM
5 helai	Topi	6.00	30.00
3 helai	Baju T - Pulau Redang	10.00	30.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			60.00
Jumlah			54.00

(Barang dipulangkan kerana rosak)

(Ringgit: Lima puluh empat sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 3% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Afifah
Pengurus

DOKUMEN 4

Tarikh	: 10 Julai 2008
Penerima	: Aishah Perabot
Kerana	: Menjelaskan invoice no. 0876 bertarikh 1 Julai 2008
Baki akhir	46 500 00
Dimasukkan	- -
Jumlah	46 500 00
Cek ini	3 600 00
Baki	42 900 00
No.: 8545801	

KERATAN CEK

DOKUMEN 5

ASAL	Hakim Enterprise 1901 Jalan Kolam 23100 Paka, Dungun Tel.: 09-8271578	No.: 0223	
Kepada Mutiara Timur 10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	INVOIS	Tarikh: 12 Julai 2008	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1 buah	Mesin Fax	280.00	280.00
			280.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		28.00
Jumlah			252.00


(Ringgit: Dua ratus lima puluh dua sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 2% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Syabil
Penerima

Hakim
Pengurus

DOKUMEN 6

ASAL		AFI SDN BHD 266E Jalan Bandar 26080 Kuantan, Pahang Tel.: 09-5218338	No.: 0148 Tarikh: 13 Julai 2008				
RESIT RASMI							
Terima daripada	:	<i>Mutiara Timur</i>					
Ringgit	:	<i>Empat ribu dua ratus tiga puluh empat sahaja.</i>					
Bayaran untuk	:	<i>Menjelaskan invois no. 4123 dan nota kredit no.028.</i>					
		<i>(Diskaun tunai RM131.00)</i>					
<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">RM4 234/=</td> </tr> <tr> <td style="width: 50%;">Tunai /Cek</td> <td style="width: 50%;">BMAB 8545802</td> </tr> </table>				RM4 234/=		Tunai /Cek	BMAB 8545802
RM4 234/=							
Tunai /Cek	BMAB 8545802						
<i>Afifah</i> Tandatangan Pengurus							

DOKUMEN 7

Mutiara Timur		
10-A Jalan Gong Kapas 20200 Kuala Terengganu	Tarikh: 15 Julai 2008	
MEMO		
<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td> Peringatan: Pemilik mengeluarkan tunai RM700 untuk promosi pembukaan kedai. </td> </tr> </table>		Peringatan: Pemilik mengeluarkan tunai RM700 untuk promosi pembukaan kedai.
Peringatan: Pemilik mengeluarkan tunai RM700 untuk promosi pembukaan kedai.		
<i>Syabil</i> Tandatangan Pengurus		

DOKUMEN 8

SALINAN

Mutiara Timur

No.: 0001

10-A Jalan Gong Kapas
20200 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6221314

Kepada
Koperasi Azwaree Bhd
B-29 Tasik Kenyir
27000 Kuala Berang
Terengganu

Tarikh: 19 Julai 2008

INVOIS

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
45 helai	Baju batik kemeja	32.00	1 440.00
40 helai	Baju batik kelawar	23.00	920.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			236.00
Jumlah			2 124.00

(Ringgit: Dua ribu satu ratus dua puluh empat sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 2% 8 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Suazlee
Penerima

Syabil
Pengurus

DOKUMEN 9

SALINAN

Mutiara Timur

ND: 001

10-A Jalan Gong Kapas
20200 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6221314

Kepada
Koperasi Azwaree Bhd
B-29 Tasik Kenyir
27000 Kuala Berang
Terengganu

Tarikh: 21 Julai 2008

NOTA DEBIT

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 helai	Baju T - Pulau Redang	13.00	130.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			13.00
Jumlah			117.00

(Barang tertinggal catat dalam invois no. 0001 bertarikh 19 Julai 2008)

(Ringgit: Satu ratus tujuh belas sahaja)

Syarat: 5% 5 hari, 2% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Suazlee
Penerima

Syabil
Pengurus

DOKUMEN 10

Mutiara Timur

No.: 001/06

10-A Jalan Gong Kapas
20200 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6221314

Tarikh: 27 Julai 2008

Kepada
Encik Mohd Fadhli
605 Kampung Pulau Bahagia
21200 Kuala Terengganu

BAUCER PEMBAYARAN

Bil	Keterangan	Tunai / Cek	Jumlah RM
1.	Sewa kedai bulan Julai 2008	Tunai	400.00
Jumlah			400.00

(Ringgit: Empat ratus sahaja)

Akuan penerimaan: *Fadly*

Diluluskan oleh:
Syabil
Pengurus

DOKUMEN 11

SALINAN

Mutiara Timur

No.: 001

10-A Jalan Gong Kapas
20200 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6221314

Tarikh: 30 Julai 2008

RESIT RASMI

Terima daripada : *Koperasi Azwaree Bhd.*

Ringgit : *Dua ribu dua ratus empat puluh satu sahaja.*

Bayaran untuk : *Menjelaskan semua hutang.*

RM2 241/=	
Tunai /Cek	MBB 8545005

Syabil
Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 12

KERTAS SOALAN TAMAT